

ILMU MENGARANG MELAYU, buku bahasa karya Za'ba yang pertama kali terbit pada tahun 1934 dalam tulisan Jawi. Kini buku ini telah diulang cetak sebanyak lima kali dalam tulisan Jawi (1947, 1949, 1951, 1952 dan 1956) dan dua kali dalam tulisan Rumi (1962 dan 1965).

Dalam pendahuluan cetakan pertama, pengarang menerangkan bahawa *Ilmu Mengarang Melayu* ditujukan kepada "guru dan murid-murid darjah tinggi di sekolah menengah dan penuntut-penuntut di maktab latihan guru". Buku ini berasal daripada buku *Ilmu Mengarang Melayu (Penggali II)* yang telah ditulis kembali dengan pindaan dan tambahan, berdasarkan pengalaman mengajar selama beberapa tahun.

Buku ini terdiri daripada dua bahagian. Bahagian pertama mengandungi satu bab pendahuluan dan tujuh



Ilmu Mengarang Melayu

bab lain yang membincangkan berbagai-bagai aspek karang-mengarang dalam bahasa Melayu. Bab pendahuluan memperkenalkan bidang, sementara empat bab lagi (Bab 1–4) menghuraikan dengan lanjut teknik mengarang. Empat bab yang seterusnya menyentuh berbagai-bagai aspek yang berkaitan dengan dunia karang-mengarang, iaitu meringkaskan karangan (Bab 5), gaya bahasa dan bentuk-bentuknya (Bab 6), memindahkan bahasa, daripada prosa kepada puisi dan sebaliknya (Bab 7) dan aspek perbendaharaan kata, khususnya perkataan seerti (Bab 8); istilah Za'ba sendiri untuk unsur ini ialah "perkataan setara".

Bahagian kedua buku ini terdiri daripada yang disebut oleh pengarangnya sebagai "cabang-cabang yang tinggi," dihuraikan dalam lapan bab (Bab 9–16). Bab 9 membincangkan simpulan bahasa, Bab 10 peribahasa, bidalan dan perumpamaan, Bab 11 bahasa kiasan, dan Bab 12 berbagai-bagai ragam bahasa. Dalam edisi awal, tiga bab terakhir menyentuh dua aspek tambahan, iaitu karangan berangkap (pantun, syair, bait, gurindam, dan seloka) dalam Bab 13, dan aspek-aspek sosiolinguistik dalam Bab 14 dan 15. Bab 14 secara khusus membincangkan pelat Melayu dan Bab 15 membincangkan perkataan gong dalam bahasa Melayu. Terdapat dua hujungan, Hujungan 1 mengandungi panduan mengarang surat kiriman, dan Hujungan 11 mengandungi Contoh Puji-pujian.

Dalam edisi 1965 pula, bahagian akhir telah mengalami sedikit perubahan. Aspek puisi bahasa Melayu dibincangkan dalam dua bab, iaitu pantun, syair, bait dan nazam dalam Bab 13, dan gurindam, seloka, dan sajak dalam Bab 14. Dua bab lagi (yang terakhir) menumpukan perhatian pada aspek sosiolinguistik, iaitu pengaruh bahasa asing dari segi perbendaharaan kata (Bab 15) dan dialek Melayu (Bab 16). Bahagian hujungnya tiada lagi.

Walaupun buku ini dicetak berulang kali sejak pertama kali pada tahun 1934, pindaan hanya dibuat pada edisi Rumi tahun 1965. Tiap-tiap bab dibuat pindaan: ada yang kecil dan ada yang besar. Tetapi pindaan terbesar dibuat terhadap beberapa bahagian Bab 1, Bab 3, Bab 5, Bab 6, Bab 7 dan seterusnya hingga tamat. Antara aspek pindaan termasuklah menambahkan contoh dan mengemaskan

susunan bahan supaya lebih teratur dan terkini sifatnya. Dua Hujung yang terdapat dalam cetakan awal telah digugurkan kerana sudah ketinggalan zaman.

Za'ba dengan jelas menghuraikan konsep 'mengarang'. Menurutnya, mengarang bererti "membuat beberapa ayat yang berhubung-hubung dengan betul menceritakan darihal satu-satu perkara. Tiap-tiap satu ayat itu dijadikan daripada beberapa perkataan yang tersusun dengan betul pula hingga cukup memberi faham akan maksud yang disebutkan itu."

Za'ba mengemukakan cara bagaimana munculnya perkataan 'mengarang' itu. Pada asalnya perkataan 'karang' digunakan bagi bunga yang tersusun indah, seperti batu karang di laut. Dari situ konsep mengarang berpindah kepada pekerjaan mengubah bunga atau mereka ukiran atau membuat sesuatu yang cantik, yang asli sifatnya dan terbit daripada ilham seseorang penggubah. Konsep itu kemudiannya dilanjutkan untuk meliputi pekerjaan menyusun perkataan dengan susunan yang elok untuk menghuraikan sesuatu atau menceritakan kisah tertentu.

Dari segi kandungannya, *Ilmu Mengarang Melayu* ini sebenarnya merupakan sebuah karya yang membimbing pembacanya tentang hal karang-mengarang dalam bahasa Melayu. Bidang yang dicakupi amat luas, kerana yang dibincangkan bukan sahaja teknik menghasilkan karangan, tetapi juga aspek gaya bahasa dan sosiolinguistik penggunaan bahasa Melayu. Sesiapa yang menggunakan buku ini akan mendapat ilmu dan maklumat yang mendalam tentang selok-belok persuratan Melayu.

Aspek mengarang yang sebenarnya dihuraikan dalam Bab 1 hingga Bab 5, iaitu meliputi definisi dan skop bidang mengarang, cara-cara mengerjakan karangan, dengan dua bab memberi contoh beberapa bahagian karangan (kepala dan rangka karangan) serta karangan penuh. Satu bab khusus membincangkan cara melanjutkan karangan.

Empat bab lain menghuraikan aspek karang-mengarang yang lebih luas, yang amat erat dengan dunia penulisan, iaitu teknik meringkaskan karangan, beberapa ragam bahasa Melayu (yang tulen, yang dipengaruhi bahasa lain, dan yang baik), cara mengalih bahasa, iaitu daripada prosa kepada puisi dan sebaliknya, dan akhir sekali aspek perbendaharaan kata, yang amat penting bagi karang-mengarang. Kesemua aspek ini, walaupun tidak merupakan bidang mengarang secara khusus, amat relevan dengan dunia penulisan dalam bahasa Melayu.

Bahagian II buku ini, yang disebut oleh pengarang sebagai "bahagian yang tinggi" sebenarnya membincangkan dua perkara penting. Yang pertama menyangkut unsur keindahan bahasa, seperti simpulan bahasa, bahasa kiasan dan bentuk puisi. Yang kedua pula berkaitan dengan kepelbagaian bahasa yang wujud sebagai variasi-variasi bahasa Melayu. Ini dilihat dari sudut beberapa unsur perbezaan daerah (yang menghasilkan dialek atau loghat) dan pengaruh bahasa asing.

Sebagai sebuah buku tentang ilmu karang-mengarang, *Ilmu Mengarang Melayu* sesungguhnya amat padat kerana yang dibincangkan bukan sahaja teknik dan selok-belok mengarang, tetapi juga berbagai-bagai aspek tentang bahasa Melayu seperti kepelbagaian bentuk dan ciri-ciri

keindahan. Buku ini lebih daripada buku teks untuk pelajar dan guru serta mereka yang menjalani latihan perguruan pada peringkat maktab. Lebih daripada itu, buku ini merupakan satu buku rujukan penting bagi semua yang ingin mendalami bahasa Melayu. Walaupun gaya bahasa pengarang dan beberapa contoh mungkin sudah ketinggalan zaman, tetapi isi kandungannya secara umum amat berguna dan masih dapat dipegang.

NIK SAFIAH KARIM